

Terma dan Syarat

AmBank SIGNATURE Priority Private – Program “AUM Linked Loyalty” (1 Julai 2024 – 31 Disember 2024)

Tempoh Program: 1 Julai 2024 – 31 Disember 2024

PERINGATAN: Pelanggan yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat di bawah dan penambahan terma dan syarat (sekiranya ada), dimana yang boleh didapati melalui <https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions>. Sekiranya Pelanggan yang Layak tidak memahami mana-mana terma dan syarat dan terma dan syarat yang terkini (sekiranya ada), Pelanggan yang Layak adalah dinasihati untuk membincang dengan mana-mana wakil sah dari Bank.

1. Definisi

Untuk tujuan terma dan syarat ini, kata dan ungkapan berikut mempunyai makna yang diberikan kepadanya kecuali jika konteksnya menghendaki sebaliknya:

“**Kumpulan AmBank**” merujuk kepada semua Syarikat Berkaitan dan Syarikat Bersekutu Bank sama ada diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia, yang ada sekarang atau di masa depan dan apa-apa rujukan kepada ‘Kumpulan AmBank’ dalam terma dan syarat ini, akan merangkumi semua atau mana-mana dalam Kumpulan AmBank.

“**Bank**” merujuk kepada AmBank (M) Berhad [No. Syarikat: 196901000166 (8515-D)] (AmBank), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) dan mempunyai alamat berdaftar di Level 22, Bangunan AmBank Group, No. 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

“**Hari**” merujuk pada hari Isnin hingga Jumaat, dan di mana pejabat Bank yang berdaftar dibuka, kecuali dinyatakan sebaliknya.

“**Notis Terdahulu**” merujuk kepada pemberitahuan oleh Bank mengenai fakta tertentu atau keadaan tertentu sekurang-kurangnya lima (5) hari kalendar.

“**Program**” merujuk kepada Program “**AUM Linked Loyalty**” (1 Julai 2024 – 31 Disember 2024) yang diselenggarakan oleh Bank sesuai dengan syarat dan ketentuan yang ditetapkan di sini.

“**AmSPB**” merujuk kepada AmBank SIGNATURE Priority Banking.

“**Priority Private**” merujuk kepada AmBank SIGNATURE Priority Private.

“**Aset Di Bawah Pengurusan/ABP**” adalah merujuk kepada ABP dalam mana-mana Konvensional dan/atau Islamic deposit atau pelaburan termasuk Akaun Simpanan + Akaun Semasa + Deposit Tetap (DT) + pelaburan termasuk Bankansurans sama ada Konvensional atau Islamic yang dipegang dengan Bank.

"**Pemegang Kad Principal**" merujuk kepada pemegang kad principal Kad Kredit AmSPB Visa Infinite atau Kad Kredit AmSPB "*The Metal*" Visa Infinite.

"**Kad yang Layak**" merujuk kepada Kad Kredit AmSPB Visa Infinite atau Kad Kredit AmSPB "*The Metal*" Visa Infinite "Principal" dan/atau "Supplementary" sahaja.

"**Kredit Kesetiaan**" merujuk kepada kredit kesetiaan yang diperoleh berdasarkan kelayakan mengikut peringkat ABP dan kredit kesetiaan bonus yang diperoleh berdasarkan ABP tambahan seperti yang ditetapkan dalam Jadual A. Kredit kesetiaan akan dikreditkan ke dalam Kad yang Layak yang dimiliki oleh Pelanggan yang Layak dalam bentuk pulangan tunai.

"**Baru-Kepada-Kekayaan (BKK)**" merujuk kepada pelanggan AmSPP yang tidak mempunyai sebarang akaun pelaburan aktif atau melakukan sebarang transaksi pelaburan termasuk produk bankasurans selama dua belas (12) bulan lalu mulai 30 Jun 2024.

"**Pelaburan**" merujuk kepada produk yang termasuk Amanah Saham / Amanah Saham Patuh Syariah ("UT"), Amanah Saham Nasional Berhad Unit Amanah Harga Berubah ("ASNBV"), Amanah Saham Nasional Berhad Unit Amanah Harga Tetap ("ASNBF"), Produk Berstruktur dan/ atau Bon, yang disediakan oleh Bank kepada Pelanggan pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa.

Perkataan yang menunjukkan orang hendaklah merangkumi orang yang hidup dan, jika dan di mana berkenaan, badan atau orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan. Kata-kata yang mengimport tunggal juga merangkumi jamak dan sebaliknya. Kata-kata yang mengimport jantina maskulin merangkumi jantina feminin dan neuter.

2. Tempoh Program

Program akan bermula pada **1 Julai 2024 to 31 Disember 2024**, termasuk kedua-dua tarikh ("**Tempoh Program**") atau tempoh lain yang ditentukan oleh Bank dengan Notis Terdahulu kepada Pelanggan yang Layak (seperti yang ditentukan di bawah) sebelum Terma dan Syarat yang baru berkuatkuasa dan diterbitkan di laman sesawang Bank di www.ambank.com.my.

3. Kelayakan

3.1 "**Pelanggan Yang Layak**" merujuk kepada pelanggan Bank yang memenuhi kriteria berikut:

- a) Pelanggan Priority Private yang mempunyai ABP principal Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000) pada akhir setiap bulan Program (di sepanjang tempoh program) yang tertakluk kepada Jadual A seperti yang ditetapkan di bawah.
- b) Mempunyai Kad Kredit AmSPB "*The Metal*" Visa Infinite principal semasa Tempoh Program seperti yang diterangkan di sini,

tapi tidak termasuk:

- a) Pelanggan Priority Private tambahan dan pemegang kad tambahan
- b) Pemegang kad dari kad kredit, kad debit, kad pra bayar, kad korporat atau kad komersial yang lain, yang dikeluarkan oleh Bank; dan/atau

c) Pemegang kad di mana akaun kad telah ditangguhkan, dibatalkan atau diberhentikan dengan alasan apa pun selama dan sehingga dua belas (12) minggu setelah tamat Tempoh Program.

3.2 Untuk mengelakkan keraguan, Program ini tidak memerlukan sebarang pendaftaran untuk tujuan penyertaan.

4. Mekanik Program

4.1 Pelanggan yang Layak yang memenuhi kelayakan peringkat ABP dengan minima perbelanjaan kad bulanan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000) atau setara dengan Kad yang Layak akan berhak menerima Kredit Kesetiaan mengikut peringkat ABP mereka yang layak seperti yang ditetapkan dalam Jadual A di bawah.

Jadual A: Kelayakan Kredit Kesetiaan Berdasarkan Peringkat ABP dan ABP Bertambah

Kelayakan mengikut Peringkat ABP Prinsipal	Kelayakan Kredit Kesetiaan
Peringkat 1: RM2,000,000 – RM4,999,999	RM250
Peringkat 2: RM5,000,000 – RM9,999,999	RM500
Peringkat 3: RM10,000,000 dan ke atas	RM1,000
Kategori A: Kredit Kesetiaan Bonus (ABP Tambahan) Setiap ABP bertambah sebanyak RM500,000 akan layak mendapat RM500 Kredit Kesetiaan	
Kategori B: Kredit Kesetiaan Bonus (Untuk Pelanggan Baru-Kepada-Kekayaan Sahaja) Melabur jumlah minima RM100,000 dalam mana-mana produk pelaburan atau mendaftar minima RM50,000 premium untuk mana-mana produk Bankasurans (Insurans Hayat) akan layak mendapat sekali sahaja RM250 Kredit Kesetiaan	
Syarat Perbelanjaan Pelanggan yang Layak mesti memenuhi minima perbelanjaan kad bulanan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000)	

*Tidak Berkenaan untuk produk pelaburan dengan caj jualan sifar peratus (0%) dan Pelaburan Dwi Mata Wang (DCI)

Jadual B: Had Kredit Kesetiaan

Tempoh	Tempoh Program	Kelayakan Kredit Kesetiaan Maksimum Setiap Pelanggan yang Layak	Jumlah Kredit Kesetiaan Maksima Diperuntukkan Bagi Setiap Tempoh
1	1 Julai 2024 – 30 September 2024 (3 bulan)	RM2,000	RM82,500 (RM27,500 had bulanan)
2	1 Oktober 2024 – 31 Disember 2024	RM2,000	RM82,500 (RM27,500 had bulanan)

- 4.2 Jumlah ABP agregat (dalam Ringgit Malaysia (RM) dan RM yang bersamaan) Pelanggan yang Layak bagi setiap bulan kalendar akan digunakan untuk menentukan Peringkat ABP dan Kelayakan Kredit Kesetiaan yang bersesuaian untuk Pelanggan yang Layak.
- 4.3 Pelanggan yang Layak yang memenuhi kriteria dalam klausa 4.1 juga layak untuk mendapat Kredit Kesetiaan Bonus seperti berikut:
- **Kategori A: Kredit Kesetiaan Bonus (ABP Tambahan)** – Pelanggan yang Layak akan mendapat Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) Kredit Kesetiaan Bonus untuk setiap ABP bertambah sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu (RM500,000). Jumlah agregat ABP (dalam Ringgit Malaysia (RM) dan RM yang bersamaan) bagi Pelanggan yang Layak pada bulan kalendar semasa berbanding dengan bulan kalendar yang sebelumnya akan digunakan untuk menentukan ABP bertambah bersih dan Kelayakan Kredit Kesetiaan Bonus untuk Pelanggan yang Layak.
 - **Kategori B : Kredit Kesetiaan Bonus (Untuk Pelanggan Baru Kepada Kekayaan Sahaja)** – Pelanggan yang Layak yang melabur dalam pelaburan atau mendaftar untuk produk Bankansurans (Insurans Hayat) dalam tempoh program merujuk kepada kriteria yang dinyatakan dalam Jadual A akan layak mendapat Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh (RM250) sekali sahaja Bonus Kredit Kesetiaan. Setiap Pelanggan Yang Layak hanya berhak menuntut satu (1) kali bagi Kategori B : Kredit Kesetiaan Bonus dan mesti menjadi pelanggan Baru-Kepada-Kekayaan (BKK) semasa tempoh program. Polisi mesti terus berkuatkuasa semasa tempoh kempen dan Ketika tempoh pemenuhan. Untuk mengelakkan keraguan, polisi Bankansurans yang didaftarkan semasa tempoh kempen mesti diluluskan sebelum 15 Januari 2025.

Ilustrasi A

Pelanggan A mendaftar sebagai ahli Priority Private pada 1 Julai 2024 dengan ABP sebanyak RM5,000,000 (garis dasar) dan mengekalkan ABP dan perbelanjaan kad bulanan seperti berikut.

Penerangan	Julai 2024	Ogos 2024	September 2024
[1] Peringkat ABP	RM5,000,000	RM5,300,000	RM5,800,000
[2] ABP Tambahan	RM0	RM300,000	RM500,000
[3] Jumlah Perbelanjaan Kad	RM1,000	RM3,000	RM3,000

Jumlah Kredit Kesetiaan yang Diperolehi untuk Pelanggan A

[1] Peringkat ABP Kredit Kesetiaan	✓ Layak untuk Peringkat 2 RM500	✓ Layak untuk Peringkat 2 RM500	✓ Layak untuk Peringkat 2 RM500
[2] Kredit Kesetiaan Bonus untuk ABP Tambahan	✗ Tidak Layak (Tiada ABP Tambahan) RM0	✗ Tidak Layak (Tidak memenuhi penambahan minima ABP RM500,000) RM0	✓ Layak (ABP Tambahan = RM500,000) RM500

[3] Memenuhi kriteria perbelanjaan kad bulanan minima RM2,000	✗ Tidak <i>(Tidak memenuhi kriteria perbelanjaan kad bulanan minima)</i>	✓ Ya <i>(Perbelanjaan Kad Bulanan = RM3,000)</i>	✓ Ya <i>(Perbelanjaan Kad Bulanan = RM3,000)</i>
Jumlah Kredit Kesetiaan yang Diperolehi	✗ Tidak Layak RM0 <i>(Tidak memenuhi kriteria perbelanjaan kad bulanan minima)</i>	✓ Layak RM500 <i>(ABP Peringkat 2 Kredit Kesetiaan)</i>	✓ Layak RM1,000 <i>(ABP Peringkat 2 Kredit Kesetiaan RM500 + Kredit Kesetiaan Bonus RM500)</i>

- 4.4 Pelanggan yang Layak mesti mempunyai Kelayakan ABP dengan mengekalkan minima ABP prinsipal sebanyak Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000) di sepanjang Tempoh Program dan pada masa pemenuhan Kredit Kesetiaan dan mesti memenuhi minima perbelanjaan kad bulanan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000) atau jumlah yang setara pada Kad yang Layak untuk mendapat Kredit Kesetiaan untuk semua kategori.
- 4.5 Jumlah maksimum Kredit Kesetiaan yang diperuntukkan untuk setiap Tempoh Program akan dihadkan pada Ringgit Malaysia Lapan Puluh Dua Ribu Lima Ratus (RM82,500) untuk Tempoh 1 dan Tempoh 2 masing-masing seperti yang dinyatakan dalam Jadual B di atas. Jumlah maksimum Kredit Kesetiaan yang diperuntukkan untuk program ini akan dihadkan pada Ringgit Malaysia Seratus Enam Puluh Lima (RM165,000). Walau bagaimanapun, setiap Pelanggan yang Layak berhak mendapat jumlah Kredit Kesetiaan termasuk Kredit Kesetiaan Bonus seperti dalam kategori A dan Kategori B sehingga jumlah maksima Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000) untuk setiap tempoh.
- 4.6 Pelanggan yang Layak yang memenuhi kriteria dalam Klausula 4.1, Klausula 4.3 dan Klausula 4.4 akan layak menerima Kredit Kesetiaan berdasarkan siapa cepat, dia dapat, mengikut transaksi perbelanjaan Kad yang Layak seperti yang direkodkan dalam sistem Bank. Tempoh tangguh lima (5) hari kalendar dari akhir Tempoh Program akan ditambah ke tarikh transaksi untuk tujuan penjejakan transaksi yang dipos. Untuk mengelakkan keraguan, Perbelanjaan Runcit mestilah transaksi yang dipos (Waktu Malaysia) dalam Tempoh Program. Bank tidak bertanggungjawab dalam apa jua cara sekalipun untuk sebarang pengeposan lewat Perbelanjaan Runcit ke akaun Pemegang Kad yang Layak yang disebabkan peniaga dan/atau mana-mana pihak ketiga.
- 4.7 Urus niaga berikut tidak termasuk dalam definisi Transaksi yang Layak:
- Ansuran bulanan yang sedang berjalan di bawah Program AmFlexi-Pay / Pelan Pembayaran Mudah (EPP), Pemindahan Baki (BT), QuickCash (QC) dan Pendahuluan Tunai;
 - Transaksi “Quasi” bagi perjudian dan/atau permainan;
 - Transaksi yang kemudiannya dibatalkan, dipertikaikan, dikembalikan, transaksi yang tidak sah, mencurigakan atau menipu dalam apa jua sifat/kemudian didapati tidak sah, mencurigakan atau menipu dalam apa jua sifat;

- d) pembayaran faedah/pengurusan, caj pembayaran lewat, caj untuk pengeluaran wang tunai, cukai perkhidmatan kad dan sebarang bentuk perkhidmatan/ lain-lain yuran;
- e) sebarang transaksi tambah nilai yang dilakukan dengan penyedia perkhidmatan e-Wallet:

Kode Kategori Pedagang (KKP)	Penyedia Perkhidmatan e-Wallet
4121, 4789, 5734, 6540 & 7399	Grab Pay
4784	Touch 'n Go
6540	Boost / Big Pay / Shopee Pay

Sebarang transaksi dengan Kod Kategori Pedagang (KKP) di atas daripada penyedia perkhidmatan lain yang tidak dinyatakan dalam jadual ini juga akan dikecualikan.

- f) Tunai terdahulu/deposit/transaksi pengeluaran;
- g) Sebarang fi atau cas yang dikenakan oleh Bank;
- h) Transaksi pinjaman perdagangan;
- i) Transaksi yang berada di bawah pengaturan korporat khas di mana rebat berlaku;
- j) Pembayaran bil korporat atau transaksi "GIRO" korporat;

4.8 Semua Transaksi yang Layak yang dibuat semasa Tempoh Program mestilah berdasarkan masa Malaysia yang direkodkan oleh rekod transaksi Bank dan disiarkan kepada Pelanggan Yang Layak pada Kad yang Layak dalam Tempoh Program. Bank tidak akan bertanggungjawab kepada sebarang kegagalan dan/atau kelewatan dalam penyampaian bukti transaksi penjualan di atas alasan yang tidak berada dalam kawalan Bank seperti kegagalan, kelewatan, tindakan atau peninggalan pihak Visa dan/atau "Pedagang".

4.9 Kredit Kesetiaan akan dikreditkan ke dalam Kad yang Layak yang dimiliki oleh Pelanggan yang Layak dalam masa dua belas (12) minggu dari tempoh akhir untuk setiap Tempoh Program dan Kredit Kesetiaan (pulangan tunai) akan ditunjukkan dalam penyata akaun kad Pelanggan yang Layak.

4.10 Walau apa pun yang disebutkan di atas, Bank berhak untuk menggunakan media atau kaedah lain, termasuk laman sesawang Bank di www.ambank.com.my bagi tujuan mengumumkan hak Pelanggan yang Layak untuk Pulangan Tunai.

5 Kehilangan Kelayakan

Bank berhak untuk membatalkan penyertaan mana-mana Pelanggan yang Layak bagi tujuan Program ini sekiranya:

- a) Akaun Kad yang Layak yang dimiliki oleh Pelanggan yang Layak dalam keadaan lalai dari sebarang kemudahan yang diberikan pada bila-bila masa semasa Tempoh Program; atau
- b) Akaun Kad yang Layak yang dimiliki oleh Pelanggan yang Layak dibatalkan atau ditutup dalam dua belas (12) minggu dari tamatnya Tempoh Program; atau
- c) Pelanggan yang Layak telah memberikan maklumat yang tidak benar atau bertindak menipu atau salah dalam apa-apa cara semasa Tempoh Program; atau
- d) Pelanggan yang Layak telah melanggar mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan di sini.

6 Umum

- 6.1 Bank berhak, untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah kepada mana-mana terma dan syarat yang ditetapkan di sini, sepenuhnya atau sebahagian, dari semasa ke semasa, termasuk untuk mengubah Tempoh Program dengan memberi Notis Terdahulu.
- 6.2 Bank berhak, pada bila-bila masa, untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Program ini dengan memberi Notis Terdahulu. Sebarang notis yang akan diberikan oleh Bank akan dipaparkan di laman sesawang rasmi Bank melalui www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions atau di cawangannya, dan sebarang notis yang sedemikian akan dianggap telah diberikan apabila ia dipaparkan di laman sesawang rasminya atau cawangannya, yang mana lebih dahulu.
- 6.3 Keputusan Bank dalam semua hal berkaitan ketersediaan Program adalah muktamad dan mengikat dan sebarang maklum balas atau rayuan tidak akan dilayan.
- 6.4 Sejauh yang diizinkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Kad yang Layak apabila berlaku “**Force Majeure**”. “**Force Majeure**” merujuk kepada kejadian dan/atau keadaan yang tidak dijangka yang tidak berada dalam kawalan Bank yang wajar, di mana Bank tidak dapat menghalang, menghindari atau menghapuskan seperti kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak, pandemik, kemalangan, letupan, pengorbanan jiwa, penguncian, rusuhan, gangguan awam, tindakan musuh awam, bencana alam, “embargo” perang atau tindakan Tuhan.
- 6.5 Bank tidak akan bertanggungjawab pada mana-mana Pemegang Kad yang Layak di atas sebarang kerugian atau kerosakan termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan punca pendapatan, keuntungan, nama baik, secara langsung atau tidak langsung, secara sampingan, akibat, contoh, punitif atau ganti rugi khas mana-mana penyertaan Pemegang Kad yang Layak di dalam Program ini, atau Bank melaksanakan hak-haknya mengikut mana-mana terma dan syarat ini, melainkan dan kecuali kerugian dan kerosakan yang sedemikian adalah disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau, keingkaran atau penipuan dengan sengaja.
- 6.6 Semua perselisihan mengenai pembinaan, pengesahan dan penafsiran terma dan syarat yang ditetapkan di sini, akan diaturkan, ditafsirkan dan dikuatkuasakan oleh undang-undang Malaysia. Semua pihak dengan ini akan tertakhluk kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia bagi tujuan tuntutan, tindakan atau proses lain yang timbul atau berdasarkan terma dan syarat di sini.
- 6.7 Pelanggan yang Layak dikehendaki untuk log masuk ke laman sesawang korporat Bank bagi sebarang kemas kini Program dan merujuk kepada <http://www.ambank.com.my/bm/terms-and-conditions> untuk terma dan syarat yang terkini, jika ada.
- 6.8 Untuk sebarang bantuan/maklum balas bagi Program ini, Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Pusat Panggilan AmBank SIGNATURE Priority Private di **+603-2178 6600** (Isnin – Ahad, 7.00 pagi hingga 11.00 petang) atau menghantar e-mel ke customercare@ambankgroup.com.

6.9 Versi Bahasa Inggeris Terma dan Syarat ini juga terdapat di <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions>.